

D312

R 8087 DEB

MAHATHIR - AMARAN

BUTTERWORTH, 3 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI AMARAN KEPADA SESETENGAH PIHAK YANG MENJADIKAN UNDANG-UNDANG NEGARA INI SEBAGAI ISU PERKAUMAN.

KATANYA, ADA PIHAK YANG MENJADIKAN UNDANG-UNDANG SEBAGAI ISU KAUM SEDANGKAN UNDANG-UNDANG NEGARA INI TIDAK BERUNSUR PERKAUMAN.

+SAYA TAHU ADA ORANG-ORANG YANG BERKEPENTINGAN POLITIK CUBA MENJADIKAN KES YANG TELAH DIBICARAKAN BARU-BARU INI SEBAGAI ISU PERKAUMAN,+ KATA PERDANA MENTERI KETIKA BERUCAP KEPADA LEBIH 5,000 ORANG DI MAJLIS JAMUAN TEH RAKYAT DI SINI PETANG INI.

KATANYA, BAGI MEREKA YANG INGIN MENJADI JAGUH, ADA TEMPAT LAIN UNTUK MEREKA BERBUAT DEMIKIAN DAN JANGAN GUNAKAN SENTIMEN PERKAUMAN UNTUK TUJUAN ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU TIDAK MAHU SESIAPA PUN CUBA MENGAPI-APIKAN PERASAAN PERKAUMAN DI NEGARA INI MEMANDANGKAN IA BOLEH MEMBAWA AKIBAT BURUK KEPADA NEGARA YANG MEMPUNYAI MASYARAKAT BERBILANG KAUM SEPERTI MALAYSIA. -- LAGI
2056MST 03 08 85

D313

U 8088 DEB

MAHATHIR - AMARAN 2 BUTTERWORTH

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, RAKYAT TELAH MENGALAMI PERISTIWA 13 MEI, DAN JANGAN ADA SESIAPA YANG CUBA MENCETUSKAN KEJADIAN SEUMPAMA ITU.

PERDANA MENETRI BERKATA, DALAM PROSES UNDANG-UNDANG NEGARA, SESIAPA YANG BERSALAH AKAN DIHUKUM, TIDAK KIRA SAMA ADA ORANG MELAYU, CINA ATAU INDIA, KERANA HUKUMAN KEPADA PESALAH TIDAK MENGIRA KAUM.

BELIAU BERKATA BAHAWA ADA PERCUBAAN UNTUK MENJADIKAN KES ITU SEBAGAI ISU PERKAUMAN KEPADA SATU KAUM SAHAJA SEDANGKAN INI ADALAH TIDAK BENAR KERANA HUKUMAN ITU TELAH PUN DILAKSANAKAN KE ATAS ORANG MELAYU, CINA, SIAM DAN LAIN-LAIN.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN BAHAWA SESIAPA YANG BERMAIN API, AKAN MEMBAKAR DIRI MEREKA SENDIRI.

YANG TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH KETUA MENTERI, DR. LIM CHONG EU, MENTERI PELAJARAN, DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI DAN MENTERI PERTANIAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM. -- BERNAMA
2057MST 03 08 85

D314